

Ismail terima kunjungan Ketua Pustakawan UMS

UB 11.6.2013 B5

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali telah menerima kunjungan hormat Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Ag Amit, kelmarin.

Kedua-dua pihak mengadakan perbincangan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL.

Dayang Rukiah disertai empat pegawai kanan Perpustakaan UMS iaitu Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Haji Zawawi Tiyunin, Timbalan Timbalan Ketua Pustakawan, Sabarudin Mamat dan Anne Michael serta Penolong Pendaftar, Sharon Tan.

Turut hadir Dekan Sekolah

Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Pustakawan Kanan UMSKAL, Baharin Entoh.

Hadir sama Penolong Bendahari Kanan, Muhajirah Muchklis dan Pustakawan UMSKAL, Dg Ruhida Raflee.

Selain kunjungan hormat, Dayang Rukiah turut mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan UMS Bil 2/2013 di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UMSKAL dan mengadakan perjumpaan dengan kakitangan.

Ismail berharap Perpustakaan UMSKAL

akan menjalin hubungan dengan Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan, sekolah dan penduduk tempatan yang mahu mendapatkan bahan bacaan berbentuk ilmiah.

Perpustakaan UMSKAL yang beroperasi dari Isnin hingga Jumaat (8.30 pagi - 11 malam) dan Sabtu hingga Ahad (8.30 - 5 petang) digunakan oleh pelajar dan kakitangan untuk menimba ilmu pengetahuan.

ISMAIL (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Dayang Rukiah diperhatikan pegawai kanan Perpustakaan UMS di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

